



Wan Junaidi mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri PKS APEC yang diadakan secara maya, semalam.

Pendigitalan bina daya tahan perusahaan kecil, sederhana

Menteri-Menteri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Ke-26 mencapai kata sepakat mengenai kepentingan proses pendigitalan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) kerana akan membantu MSME pulih serta membina daya tahan dalam persekitaran pandemik COVID-19.

Pengerusi Mesyuarat Menteri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) APEC, Datuk Seri Wan Junaidi Tengku Jaafar, berkata negara anggota APEC yang mengambil bahagian dalam mesyuarat itu menyatakan bahawa penting peranan pendigitalan, inovasi dan teknologi dalam membina daya tahan MSME.

“Kami sedar pentingnya kerjasama dalam memudahkan aliran data dan memperkukuhkan kepercayaan pengguna dan perniagaan dalam urus niaga digital.

“Kami juga membincangkan mengenai amalan terbaik dalam

mengurangkan kesan pandemik COVID-19 dalam kalangan MSME serta proses pendigitalan MSME untuk kebiasaan baharu yang inklusif dan mampan,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu, semalam.

Wan Junaidi berkata negara anggota APEC menganggap MSME sebagai sektor penting dalam ekonomi, kerana selain menyumbang antara 40 peratus hingga 60 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), ia juga menyumbang tenaga kerja.

Beliau berkata, banyak negara memberi pengecualian cukai, subsidi upah, pengurangan kadar faedah, pinjaman, kemudahan pembiayaan semula, serta subsidi untuk membantu meneruskan kelangsungan perniagaan bagi menghadapi krisis.

“Selain membabitkan langkah fiskal ini, APEC harus bekerjasama untuk mempromosikan dan menggalakkan peralihan MSME ke dalam ekonomi digital

baharu,” katanya.

Wan Junaidi berkata, ketika Malaysia menjadi tuan rumah bagi APEC 2020, usaha yang lebih bersepadu oleh negara anggota APEC dijangka dapat terus mempromosikan perdagangan dan pelaburan bebas, adil serta terbuka di antara negara.

Katanya, ini terutama dalam meningkatkan pertumbuhan dan perkukuh daya tahan dalam rantaian bekalan global (GVC).

Menteri pada Mesyuarat PKS APEC menyokong Pelan Strategik Kumpulan Kerja APEC PKS 2021-2024 yang menetapkan objektif dalam lima bidang utama.

Bidang itu ialah keusahawanan, inovasi dan syarikat mula niaga, akses PKS ke pasaran antarabangsa dan GVC, pembangunan keupayaan inklusif ke arah pendigitalan, akses kepada kewangan dan penyelesaian kewangan alternatif serta interaksi antara kerajaan dan perniagaan.

BERNAMA